

# **PELAKSANAAN PBS: SATU TINJAUAN KE ATAS GURU PERMULAAN KELUARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

*Masitah Taib (Ph.D) & Shahrul Arba'iah Othman (Ph.D)*

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pengetahuan guru permulaan mengenai konsep PBS dan masalah-masalah yang dihadapi semasa melaksanakannya. Kajian ini penting kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk mengambil tindakan bagi membantu guru pelatih melaksanakan program-program transformasi pendidikan negara. Guru permulaan dalam konteks kajian ini adalah bekas pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Januari 2008 Pengkhususan Pendidikan Khas dan Pendidikan Jasmani. Kajian ini melibatkan temubual seramai 16 orang guru permulaan dan pentadbir sekolah di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. Data dianalisis secara kualitatif. Tiga aspek yang ingin dikenal pasti adalah pengetahuan, pengalaman dan masalah yang dialami berkaitan PBS. Hasil kajian mendapati semua responden mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan PBS. Mereka juga telah diberi pendedahan oleh sekolah untuk membina dan mentadbir instrumen-instrumen PBS dengan bimbingan guru-guru senior. Mereka juga masih memerlukan rujukan buku-buku soalan di pasaran dan bank soalan sekolah. Kajian ini juga mendapati kesemua guru permulaan menghadapi masalah untuk membina instrumen PBS mengikut Jadual Penentuan Ujian (JPU). Masalah ini timbul kerana input mengenai JPU langsung tidak ditekankan dalam kursus pentaksiran pengkhususan major semasa di IPG. Adalah dicadangkan agar hal ini diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak IPGM.

**Kata kunci:** Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Jadual Penentuan Ujian, PISMP

